

15 DEC 2002

MOHD ZAIN Pengerusi Baru Lembaga Tembakau Negara

KOTA BAHARU, 15 Dis (Bernama) -- Ketua Umno Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tembakau Negara (LTN) yang baru berkuatkuasa 1 Dis lepas.

LTN dalam satu kenyataannya di sini hari ini berkata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik melantik Mohd Zain, 48, bagi menggantikan Mohamed bin Ismail yang telah tamat tempoh pelantikannya.

Mohd Zain, yang juga bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Bukit Tuku pernah berkhidmat dengan kerajaan termasuk sebagai Ketua Imigresen Rantau Panjang dan Penolong Setiausaha Keselamatan di Bahagian Keselamatan Negara, Terengganu.

Sempena pelantikan itu, Mohd Zain mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Lim kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memikul tugas berkenaan.

Beliau berharap semua sektor dalam industri tembakau khususnya penanam, pengawet dan pengilang meningkatkan usaha agar industri itu cekap dan berdaya saing bagi menghadapi cabaran termasuk Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Beliau mahukan urusan bagi mengurangkan kos serta meningkatkan mutu dan pengeluaran industri tembakau tempatan sebagaimana terkandung dalam Program Penyusunan Industri Tembakau menjadi agenda utama untuk dilaksanakan.

-- BERNAMA

BD ROS